



## KENYATAAN MEDIA

### Kes Rampasan 351 Kontena Beras Di Pelabuhan Kota Kinabalu, Sabah

Merujuk kepada laporan yang disiarkan melalui freemalaysiatoday yang mendakwa pembeli beras di selatan Filipina memutuskan untuk memulaukan dan mengeneipkan Sabah dan Labuan dalam urusan *transshipment* beras ke negara mereka. Keputusan mengeneipkan Sabah dan Labuan dibuat kerana pembeli beras (pengimport) tidak berpuas hati dengan kes penahanan **sebanyak 351 kontena beras oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM)** yang didakwa oleh pengimport Filipina sebagai penahanan secara tidak sah.

Kes disiasat di bawah peruntukan **Seksyen 135 Akta Kastam 1967** dan bukannya di bawah **Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522) 1994** di bawah **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)** dan tiada sebarang pelanggaran pada **Akta ini dibuat**. Penahanan 351 kontena beras oleh pihak JKDM adalah berdasarkan justifikasi tertentu melibatkan **peraturan dan syarat *transshipment* / transit dagangan di pelabuhan negara**.

Oleh yang demikian MOA telah mengambil keputusan untuk menyerahkan kes tahanan 351 kontena beras ini kepada pihak JKDM **untuk disiasat dan di ambil tindakan di bawah bidang kuasa Akta Kastam 1967**. Mengambil kira proses siasatan sedang dijalankan, MOA menyeru supaya semua pihak agar bertenang dan memberikan kerjasama serta ruang kepada JKDM untuk menjalankan siasatan dan tanggungjawab dengan berkesan tanpa campur tangan daripada pihak luar.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
15 MAC 2019

#####